

BH
16/12/17
mlst

→ PEMASYHURAN

[FOTO AMRAN HAMID/BH]

Nama rasmi Yang di-Pertuan Agong Ke-15

Kuala Lumpur: Istana Negara semalam mengumumkan nama rasmi Yang di-Pertuan Agong Ke-15 sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V.

Pengumuman dibuat Setiausaha Sulit Kanan Kepada Yang di-Pertuan Agong, Datuk Nik Mohd Shafriman Nik Hassan selepas mendapat perkenan baginda.

Sultan Muhammad V dimasyhurkan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 di Istana Negara kelmarin, menggantikan Yang di-Pertuan Agong Ke-14, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang tamat tempoh pemerintahan.



Untuk
video layari
www.bharian.com.my

Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah menyerahkan Keris Kebesaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Kedah kepada Tunku Sallehuddin pada Istiadat Pemasyhuran Raja Muda Kedah di Istana Anak Bukit, Alor Setar, semalam.